



SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,
TINGKAT 19,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.

Tel : 03-5514 2134 (Terus)
: 03-5544 7043
: 03-5544 7045
Fax : 03-5510 3062

selangorku

'KEJUJURAN DAN KETEKUNAN'
'PRODUKTIVITI TINGGI AMALAN KITA'

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami Dim:IPK.Sel. 20046/3 (44.)

Tarikh 21 Rabiul Awal 1433H
19 Februari 2012

Semua Ketua Jabatan/Agensi Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Datuk Bandar, Bandar Raya/Yang Dipertua Majlis Perbandaran/Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Setiausaha Bahagian/Timbangan Pengarah/Ketua Penolong Setiausaha, Sekretariat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Y.A.D./Y.Bhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING SUK BIL. 2 TAHUN 2012

ARAHAN MENGASINGKAN GULA DALAM PENYEDIAAN MINUMAN UNTUK MESYUARAT DAN PROGRAM RASMI DI JABATAN KERAJAAN SELANGOR

Adalah dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Selaras dengan hasrat kerajaan Negeri Selangor untuk menggalakkan dan mempraktikkan amalan pemakanan secara sihat dan mengurangkan pengambilan gula dalam minuman adalah diputuskan supaya minuman seperti kopi, teh, nescafe dan lain-lain hendaklah disediakan tanpa mengandungi gula. Bekalan gula hendaklah dihidangkan secara berasingan dalam bentuk *sachet* atau di dalam bekas asing yang boleh diambil mengikut keperluan masing-masing.

3. Setiap Jabatan juga digalakkan mempamerkan jumlah kalori yang terdapat dalam makanan dan minuman bagi tujuan memberikan maklumat dan panduan mengenai keperluan pengambilan gula yang mana sekiranya diambil berlebihan boleh membahayakan kesihatan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATO' HAJI MOHAMMED KHUSRIN BIN HAJI MUNAWI)
D.S.I.S., A.S.A., P.P.T.